

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

KBAT Memahami

- (a) _____ ialah ukuran panjang dan lebar imej dalam unit piksel.
- (b) Semakin tinggi _____, semakin cantik paparan imej tetapi fail semakin besar.
- (c) _____ menentukan ketajaman dan kejelasan sesuatu imej.
- (d) Saluran (*channel*) audio terdiri daripada dua pilihan, iaitu _____ atau _____.
- (e) Lebih tinggi resolusi dan dimensi, lebih banyak piksel digunakan dan melibatkan jumlah _____ dan _____ yang banyak dan seterusnya menyebabkan saiz imej menjadi _____.
- (f) Kualiti sesuatu audio digital dipengaruhi oleh _____ dan _____.

2. Lengkapkan peta pemikiran di bawah.



3. Padankan peranan setiap format fail audio yang berikut.

- (a) MIDI — Saiz fail sangat besar.
- (b) WAVE — Menghapuskan maklumat yang tidak boleh didengar.
- (c) MP3 — Merekod dan mengawal nota bagi setiap peralatan muzik.

4. Setiap pernyataan di bawah menunjukkan kegunaan sesuatu jenis fail imej. Bulatkan jenis fail imej yang betul berdasarkan pernyataan yang diberi.

- (a) Digunakan untuk imej yang mempunyai bilangan warna sehingga 16 juta warna namun kualiti imej tidak terjejas walaupun dimampatkan.

GIF

TIFF

- (b) Imej yang disimpan di dalam fail ini boleh menghasilkan animasi.

GIF

BMP

- (c) Merupakan format fail yang paling berkualiti-di antara format fail imej yang lain.

BMP

JPG